

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN  
BIL. 3/2000**

---

**PENJELASAN MENGENAI PENGENAAN PREMIUM DENDA  
KE ATAS PERMOHONAN TANAH PERTANIAN MELALUI  
PEKELILING PTG. BIL. 5/1999**

---

---

Arahan dikeluarkan bagi memberi penjelasan kepada semua Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai pengenaan premium denda tanah milik yang telah di rentah haram bagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil.5/1999 mengenai premium denda ke atas permohonan milik tanah jenis pertanian yang direntah secara haram, pindaan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Didapati sesetengah Pentadbir Tanah tidak jelas hingga menimbulkan tafsiran yang berbagai berhubung dengan masa " Tempoh Rentah Haram" tanah yang dikehendaki mengikut pekeliling tersebut.
3. Adalah dimaklumkan bahawa masa " Tempoh Rentah Haram" yang di maksudkan melalui Pekeliling Bil. 5/1999 adalah berdasarkan kepada laporan Pegawai Petempatan mengenai tarikh tanah yang di pohon milik direntah.
4. Penjelasan yang diberikan melalui Arahan ini di harapkan tidak akan lagi menimbulkan kekeliruan dan salah tafsir berhubung dengan maklumat perkiraan masa "Tempoh Rentah Haram" melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil.5/1999.
5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

**t.t**

**(Dato' Hj.Md. Yusuf Bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha ( Majlis Mesyuarat Kerajaan )

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.2 (54)**

**BERTARIKH : 09 JAMADIL AWAL 1421  
09 OGOS 2000**